

16 JUN 1997

Mahathir-Lubnan

MAHATHIR KINI BERADA DI LUBNAN UNTUK LAWATAN TIGA HARI

By: Mokhtar Hussain

BEIRUT, 16 Jun (Bernama) -- Selepas menghadiri sidang kemuncak pertama kumpulan Lapan Negara Membangun Islam (D-8) di Istanbul semalam, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini tiba di ibu negara Lubnan untuk lawatan rasmi tiga hari, yang pertama oleh seorang perdana menteri Malaysia.

Dr Mahathir disambut oleh rakan sejawatannya Rafic Hariri setibanya di sini dan diberikan sambutan rasmi di lapangan terbang antarabangsa Beirut.

Dr Mahathir diiringi oleh isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali. Yang turut mengiringinya ialah Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi, Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, Menteri Kerja Raya Datuk Seri S.Samy Vellu dan beberapa ahli perniagaan.

Selepas lagu kebangsaan kedua-dua negara dimainkan, Dr Mahathir memeriksa barisan kehormat terdiri daripada anggota tentera Lubnan.

Semasa lawatannya, beliau akan mengunjungi Hariri sebelum mengetuai delegasi Malaysia pada satu mesyuarat delegasi.

Dr Mahathir dijangka menerima anugerah tertinggi Lubnan dari kerajaan Lubnan, anugerah tertinggi yang diberikan kepada orang kenamaan asing.

Pada hari Selasa, Dr Mahathir akan melawat Solidere, syarikat Lubnan bagi Pembangunan dan Pembinaan Semula Daerah Tengah Beirut sebelum melawat bandaraya Sidon yang juga merupakan tempat kelahiran Hariri.

Beliau juga dijadual mengadakan dialog dengan masyarakat perniagaan di republik itu pada satu jamuan malam.

Lubnan yang berkongsi sempadan dengan Syria dan Israel mempunyai penduduk seramai 3.4 juta, sebahagian besarnya beragama Islam.

Negara itu, yang pernah menjadi pusat perniagaan bagi Asia Barat, dilanda perang saudara dalam tahun 1970-an di antara penduduk Kristian dan Islam dan rakan sekutu Palestin, dan kini sibuk membina semula ekonominya.

Walaupun memihak kepada Malaysia, perdagangan di antara kedua-dua negara masih kecil berjumlah RM16.5 juta bagi tempoh antara Januari dan Mac tahun ini. Pada tahun lepas, jumlah dagangan bernilai RM55.7 juta.

Di antara eksport Malaysia ke Lubnan ialah peralatan sistem pemanasan dan penyejukan, alat penerima tv, bahan bakar untuk pesawat, produk getah dan minyak sayur-sayuran manakala import dari Lubnan adalah bahan-bahan bercetak dan mesin memproses makanan.

Pada masa ini Penerbangan Malaysia mengadakan perkhidmatan dua kali seminggu ke Beirut melalui Dubai manakala syarikat kebangsaan Lubnan, Middle-east Airlines, mengadakan perkhidmatan setiap minggu ke Kuala Lumpur.

Dr Mahathir akan berlepas ke London pada 18 Jun. Beliau dijadual melawat Hungary pada 23 Jun. -- BERNAMA

MOK AKD